

**ANALISIS SEMIOTIK TERHADAP KONSEPSI
LAMBANG FLORA DALAM PANTUN MELAYU**

**MOHAMMAD KHAIRULANWAR BIN
ABDUL GHANI**

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2020

ANALISIS SEMIOTIK TERHADAP KONSEPSI LAMBANG FLORA DALAM PANTUN MELAYU

oleh

**MOHAMMAD KHAIRULANWAR BIN
ABDUL GHANI**

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Mac 2020

PENGHARGAAN



Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Setinggi-tinggi lafaz kesyukuran dipohonkan kepada Allah s.w.t. kerana dengan izin dan rahmat-Nya dapat saya menyiapkan tesis bertajuk *Analisis Sosiosemiotik Terhadap Konsep Lambang Flora dalam Pantun Melayu*. Alhamdulillah Ya Rabbul ‘Alamin dan berselawat ke atas rasul junjungan Muhammad s.a.w.

Sepanjang tempoh pengajian, saya amat terhutang budi kepada banyak pihak yang masing-masing memberi sumbangan dan sokongan dalam penulisan tesis ini. Jutaan terima kasih kepada Profesor Dr. Noriah Mohamed selaku penyelia utama di atas segala tunjuk ajar, bimbingan, teguran, pandangan dan cadangan sepanjang penulisan tesis ini. Hanya Allah yang dapat membalas segala ilmu dan budi yang dicurahkan.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada semua pensyarah di Bahagian Pengajian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia yang turut memberikan galakan, pendapat dan kritikan yang bernas serta membina dalam penambahbaikan tesis ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih dituju kepada semua staf pentadbiran Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang banyak membantu dalam hal-hal yang berkaitan dengan tesis ini.

Setulus kasih tidak terhingga kepada institusi-institusi yang telah memberi kerjasama semasa menjalankan proses pengumpulan data dan bahan-bahan sokongan untuk memantapkan kajian ini. Institusi-institusi yang terlibat adalah seperti Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan

Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, Muzium Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kumpulan Kajian Kearifan Tempatan, Universiti Sains Malaysia.

Selaut rindu, kasih dan sayang buat ibu tercinta Faizah Ahmad dan abah Dr. Abdul Ghani Mohd Ariffin yang tidak pernah jemu memberi dorongan dan semangat kepada penulis untuk menyiapkan tesis ini.

Sekalung budi buat teman-teman seperjuangan yang turut memberi nasihat, dorongan dan membantu penulis dalam menyiapkan tesis ini, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Akhir kata, yang baik dan indah itu datangnya daripada Allah s.w.t. manakala yang serba kurang, lemah dan khilaf itu datangnya daripada penulis sendiri. Wassalam.

Mohammad Khairulanwar bin Abdul Ghani,
Bahagian Pengajian Linguistik Bahasa Melayu,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI GAMBAR	xvi
SENARAI GRAF	xxviii
SENARAI LAMPIRAN	xix
ABSTRAK	xx
ABSTRACT	xxii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Permasalahan Kajian	6
1.2 Objektif Kajian	11
1.3 Persoalan Kajian	11
1.4 Skop dan Batasan Kajian	12
1.5 Kepentingan Kajian	13
1.6 Definisi Operasional	14
1.6.1 Semiotik	14
1.6.2 Simbol	14
1.6.3 Lambang	15

1.6.4	Flora	15
1.6.5	Kuplet	16
1.6.6	Kod	17
1.7	Kesimpulan	18

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR DAN KERANGKA TEORETIS

2.0	Pengenalan	19
2.1	Sejarah Kemunculan Semiotik	19
2.1.1	Zaman Semiotik Klasik	19
2.1.2	Zaman Semiotik Moden	21
2.2	Sorotan Literatur Kajian	22
2.2.1	Rumusan Sorotan Literatur Kajian	37
2.3	Kerangka Teoretis Kajian	38
2.3.1	Teori ' <i>Semiotics of Poetry</i> ' (1978)	38
2.3.2	Pendekatan Makna Leech (1974)	57
2.3.3	Kerangka Teoretis Kajian	63
2.3.3(a)	Kerangka Teori ' <i>Semiotics of Poetry</i> '	64
2.3.3(b)	Kerangka Teori Leech (1974)	64
2.3.3(c)	Gabungan Kerangka Teori Kajian	65
2.4	Kesimpulan	66

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	67
3.1	Pendekatan Kajian	67
3.1.1	Pemerolehan Maklumat Kajian	68

3.1.2	Pemerolehan Data Kajian	70
3.1.3	Pengelompokan Data Kajian	72
3.1.4	Pelabelan Data Kajian	73
3.1.5	Penganalisisan Data Kajian	75
3.1.6	Kerangka Konseptual Kajian	82
3.2	Kesimpulan	83

BAB 4 ANALISIS LAMBANG FLORA DALAM PANTUN NASIHAT

4.0	Pengenalan	84
4.1	Pantun Nasihat	85
4.2	Analisis Lambang Flora Pantun Nasihat dalam <i>Kurik Kundi Merah Saga</i>	87
4.2.1	Analisis Lambang Flora Padi	100
4.2.2	Analisis Lambang Flora Bunga Melati	116
4.2.3	Analisis Lambang Flora Bunga Melur	132
4.2.4	Analisis Lambang Flora Pucuk Kaduk	148
4.2.5	Analisis Lambang Flora Buah Kecapi	157
4.2.6	Analisis Lambang Flora Buah Berangan	165
4.2.7	Analisis Lambang Flora Buah Pinang	173
4.2.8	Analisis Lambang Flora Kacang	181
4.2.9	Analisis Lambang Flora Pisang	190
4.2.10	Analisis Lambang Flora Bunga Lalang	197
4.2.11	Analisis Lambang Flora Kelapa	206
4.2.12	Analisis Lambang Flora Pokok Jati	216
4.3	Kuantifikasi Berdasarkan Jenis-jenis Makna	221
4.4	Kesimpulan	226

BAB 5 ANALISIS LAMBANG FLORA DALAM PANTUN BUDI

5.0	Pengenalan	227
5.1	Pantun Budi	228
5.2	Analisis Lambang Flora Pantun Budi dalam <i>Kurik Kundi Merah Saga</i>	231
5.2.1	Analisis Lambang Flora Cengal	239
5.2.2	Analisis Lambang Flora Bunga Raya	248
5.2.3	Analisis Lambang Flora Pisang	256
5.2.4	Analisis Lambang Flora Padi	264
5.2.5	Analisis Lambang Flora Kelapa	279
5.2.6	Analisis Lambang Flora Buah Rambai	288
5.2.7	Analisis Lambang Flora Buah Kelubi	296
5.2.8	Analisis Lambang Flora Buah Kedondong	303
5.2.9	Analisis Lambang Flora Limau	312
5.2.10	Analisis Lambang Flora Jati	318
5.2.11	Analisis Lambang Flora Melur	330
5.2.12	Analisis Lambang Flora Ubi	338
5.2.13	Analisis Lambang Flora Tebu	354
5.2.14	Analisis Lambang Flora Delima	363
5.2.15	Analisis Lambang Flora Betik	371
5.2.16	Analisis Lambang Flora Pedada	379
5.3	Kuantifikasi Berdasarkan Jenis-jenis Makna	383
5.4	Kesimpulan	389

BAB 6 PERBANDINGAN TEMA PANTUN NASIHAT DENGAN PANTUN BUDI

6.0	Pengenalan	390
6.1	Perbandingan Berdasarkan Jenis Lambang Flora	391
6.1.1	Jenis-jenis Lambang Flora dalam Pantun Nasihat dan Pantun Budi	392
6.2	Perbandingan antara Pantun Nasihat dengan Pantun Budi Berdasarkan Jenis-jenis Makna	399
6.2.1	Makna Konotatif	401
6.2.2	Makna Kolokatif	402
6.2.3	Makna Denotatif	402
6.2.4	Makna Reflektif	403
6.2.5	Makna Afektif	403
6.2.6	Makna Stilistik	404
6.3	Kesimpulan	405

BAB 7 DAPATAN DAN KESIMPULAN KAJIAN

7.0	Pengenalan	406
7.1	Ringkasan Kajian	406
7.2	Dapatan Kajian	407
7.2.1	Rumusan Terhadap Jenis-jenis Lambang Flora dalam Pantun Nasihat dan Pantun Budi	408
7.2.2	Rumusan Terhadap Jenis-jenis Makna dalam Pantun Nasihat dan Pantun Budi	411
7.3	Sumbangan Kajian	416
7.4	Cadangan Kajian	417
7.5	Penutup	421

RUJUKAN

422

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 2.0	Jenis-jenis Makna Berdasarkan Leech (1974)	54
Jadual 3.1	Lambang Flora dalam Pantun Nasihat dan Pantun Budi	68
Jadual 3.2	Lambang Flora dalam Pantun Nasihat	69
Jadual 3.3	Lambang Flora dalam Pantun Budi	70
Jadual 4.0	Jumlah dan Peratusan Lambang Flora dalam Pantun Nasihat	84
Jadual 4.1	Kuantifikasi Unsur Flora Berdasarkan Jenis-Jenis Makna dalam Pantun Nasihat	218
Jadual 4.2	Jumlah Kekerapan dan Peratusan Jenis-jenis Makna	219
Jadual 5.1	Kuantifikasi Unsur Flora Berdasarkan Jenis-jenis Makna	382
Jadual 5.2	Jumlah Kekerapan dan Peratusan Jenis-jenis Makna dalam Pantun Budi	383
Jadual 6.1	Jumlah dan Peratusan Lambang Flora dalam Pantun Nasihat dan Pantun Budi	389
Jadual 6.2	Kuantifikasi Jumlah dan Peratusan Lambang Flora dalam Pantun Nasihat dan Pantun Budi	391
Jadual 6.3	Kuantifikasi Jumlah dan Peratusan Berdasarkan Jenis-Jenis Makna dalam Pantun Nasihat dan Pantun Budi	398

SENARAI RAJAH

	Halaman	
Rajah 1.0	Model Diadik de Saussure	2
Rajah 1.1	Model Segi Tiga Semiotik	3
Rajah 2.0	Proses Penyahkodan	38
Rajah 2.1	Proses Retroaktif	44
Rajah 2.2	Proses Pembentukan MAT, MOD dan VAR	46
Rajah 2.3	Proses Hipogram: Hubungan Intertekstual	48
Rajah 2.4	Pengumpulan Data Berdasarkan Parataksis	50
Rajah 2.5	Persamaan Makna Berdasarkan Parataksis	51
Rajah 2.6	Unit Stilistik	52
Rajah 2.7	Ketidakgramatisan dan Unit Stilistik	52
Rajah 2.8	Pendekatan ' <i>Semiotics of Poetry</i> ' (1978)	59
Rajah 2.9	Pendekatan Makna Leech (1974)	60
Rajah 2.10	Gabungan Kerangka Teori Kajian	61
Rajah 3.0	Pendekatan Kajian	63
Rajah 3.1	Unit Stilistik Bagi Lambang Ikan Sepat	75
Rajah 3.2	Kerangka Konseptual Kajian	78
Rajah 4.0	Pendekatan ' <i>Semiotics of Poetry</i> '	80
Rajah 4.1	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Flora Padi	101
Rajah 4.2	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Flora Padi	109
Rajah 4.3	Unit Stilistik Bagi Lambang Bunga Melati	117

Rajah 4.4	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Bunga Melati	123
Rajah 4.5	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Bunga Melur	132
Rajah 4.6	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Bunga Melur	140
Rajah 4.7	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Pucuk Kaduk	148
Rajah 4.8	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Buah Kecapi	157
Rajah 4.9	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Buah Berangan	165
Rajah 4.10	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Buah Pinang	173
Rajah 4.11	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Kacang	181
Rajah 4.12	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Pisang	189
Rajah 4.13	Unit Stilistik dalam Pantun Lambang Bunga Lalang	198
Rajah 4.14	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Nyiur	206
Rajah 4.15	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Jati	214
Rajah 5.0	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Cengal	240
Rajah 5.1	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Bunga Raya	249
Rajah 5.2	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Pisang	256
Rajah 5.3	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Padi	264
Rajah 5.4	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Padi	271

Rajah 5.5	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Kelapa	279
Rajah 5.6	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Buah Rambai	288
Rajah 5.7	Unit Stilistik Bagi Lambang Buah Kelubi	296
Rajah 5.8	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Buah Kedondong	304
Rajah 5.9	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Limau	313
Rajah 5.10	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Jati	323
Rajah 5.11	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Bunga Melur	331
Rajah 5.12	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Pisang	339
Rajah 5.13	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Ubi	347
Rajah 5.14	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Tebu	355
Rajah 5.15	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Delima	363
Rajah 5.15	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Betik	371
Rajah 5.16	Proses Pengumpulan Berdasarkan Parataksis Bagi Lambang Buah Pedada	379

SENARAI SINGKATAN

PN	Pantun Nasihat
PB	Pantun Budi
KKMS	Kurik Kundi Merah Saga
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
MCP	<i>Malay Concordance Project</i>
RRS	Rangka Rujuk Silang
MSPL	Model Semiotik Paling Luas
KPKK	Kumpulan Pantun Kanak-kanak
MAT	Matriks
MOD	Model
VAR	Varians
PNK	Pantun Nasihat Kacang
PNB	Pantun Nasihat Berangan
PNKa	Pantun Nasihat Kaduk
PNA	Pantun Nasihat Pisang Awak
PNL	Pantun Nasihat Bunga Lalang
PNP	Pantun Nasihat Padi
PNPi	Pantun Nasihat Pinang
PNM	Pantun Nasihat Melati
PNKe	Pantun Nasihat Kelapa
PNJ	Pantun Nasihat Jati
PNKe	Pantun Nasihat Kecapi
PNMe	Pantun Nasihat Melur

PBD	Pantun Budi Delima
PBC	Pantun Budi Cengal
PBB	Pantun Budi Betik
PBM	Pantun Budi Melur
PBP	Pantun Budi Padi
PBR	Pantun Budi Bunga Raya
PBPi	Pantun Budi Pisang
PBPe	Pantun Budi Pedada
PBRam	Pantun Budi Rambai
PBK	Pantun Budi Kelapa
PBT	Pantun Budi Tebu
PBL	Pantun Budi Limau
PBKel	Pantun Budi Kelubi
PBJ	Pantun Budi Jati
PBKed	Pantun Budi Kedondong
PBU	Pantun Budi Ubi

SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 4.0 Aktivi Menjemur Padi	98
Gambar 4.1 Pokok Padi	103
Gambar 4.2 Padi Muda	111
Gambar 4.3 Bunga Melati	114
Gambar 4.4 Bunga Melur	129
Gambar 4.5 Pucuk Kaduk	149
Gambar 4.6 Buah Kecapi	159
Gambar 4.7 Buah Berangan	166
Gambar 4.8 Buah Kana	167
Gambar 4.9 Kacip Pinang	175
Gambar 4.10 Buah Pinang	176
Gambar 4.11 Kacang Tanah	182
Gambar 4.12 Sistem Saraf Manusia	184
Gambar 4.13 Pisang Awak	191
Gambar 4.14 Bunga Lalang	198
Gambar 4.15 Nyiur Muda	209
Gambar 4.16 Pokok Jati	216
Gambar 5.0 Kayu Cengal	242
Gambar 5.1 Bunga Raya	248
Gambar 5.2 Bunga Dedap	251
Gambar 5.3 Pisang Emas	258

Gambar 5.4	Merang Padi	266
Gambar 5.5	Pokok Kelapa	283
Gambar 5.6	Buah Rambai	291
Gambar 5.7	Buah Kelubi	298
Gambar 5.8	Buah Kedondong	307
Gambar 5.9	Limau Manis	315
Gambar 5.10	Pokok Selasih	317
Gambar 5.11	Pokok Jati	323
Gambar 5.12	Pokok Palas	325
Gambar 5.13	Cerana atau Tepak Sirih	328
Gambar 5.14	Ubi Kayu	341
Gambar 5.15	Tebu Kuning	358
Gambar 5.16	Buah Delima	366
Gambar 5.17	Buah Betik	374
Gambar 5.18	Buah Pedada	381

SENARAI GRAF

		Halaman
Graf 4.0	Jumlah Jenis Lambang Flora dalam Pantun Nasihat	85
Graf 4.1	Peratusan Jenis Lambang Flora dalam Pantun Nasihat	85
Graf 5.0	Jumlah Jenis Lambang Flora dalam Pantun Budi	229
Graf 5.1	Peratusan Jenis Lambang Flora dalam Pantun Budi	229
Graf 6.1	Peratusan Lambang Flora dalam Tema Pantun Nasihat dan Pantun Budi	389
Graf 6.2	Kuantifikasi Jumlah Berdasarkan Jenis-Jenis Makna dalam Pantun Nasihat dan Pantun Budi	399
Graf 7.0	Peratusan Jenis- Jenis Makna dalam Pantun Nasihat dan Pantun Budi	410

SENARAI LAMPIRAN

- | | |
|-------------------|--|
| LAMPIRAN 1 | Senarai Lambang Flora dalam Pantun Nasihat |
| LAMPIRAN 2 | Senarai Lambang Flora dalam Pantun Budi |
| LAMPIRAN 3 | Jenis-jenis Makna dalam Pantun Nasihat |
| LAMPIRAN 4 | Jenis-jenis Makna dalam Pantun Budi |

**ANALISIS SEMIOTIK TERHADAP KONSEPSI LAMBANG FLORA
DALAM PANTUN MELAYU**

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji konsep lambang flora yang terdapat dalam pantun berlandaskan kepada bidang semiotik. Kajian ini cuba melihat korelasi hubungan yang bersifat sejajar antara lambang dengan makna dalam pantun. Data lambang-lambang flora diambil daripada koleksi pantun Melayu yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (2015) dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga*. Sebanyak 266 rangkap pantun nasihat dan 219 rangkap pantun budi digunakan sebagai data bagi (i) menganalisis konsep lambang flora dalam pantun nasihat, (ii) menganalisis konsep lambang flora dalam pantun budi dan (iii) membandingkan konsep dalam pantun nasihat dengan konsep dalam pantun budi berdasarkan jenis lambang flora dan makna. Kajian ini menggunakan himpunan beberapa teori, kaedah dan pendekatan secara eklektik bagi menjawab semua persoalan kajian. Kerangka semiotik Michael Riffaterre (1978) dimanfaatkan bagi melihat unsur flora yang berfungsi sebagai lambang yang ditandai dalam bahagian pembayang pantun. Selain itu, kajian ini turut menggunakan kerangka Leech (1974) yang berdasarkan kepada penelitiannya yang dijalankan secara sintagmatik, iaitu melihat fungsi dan sistem secara kontekstual. Kajian ini menggunakan tiga kaedah kajian iaitu analisis kandungan, perbandingan analisis teks, dan pengiraan kekerapan. Dalam hal ini, data pantun daripada sumber dianalisis berdasarkan tiga tahap ini. Tahap pertama pengkaji akan mengenal pasti kewujudan lambang flora berdasarkan kategori tema pantun yang telah dipilih. Kiasan yang diteliti dalam kajian ini adalah berdasarkan pengertian Za'ba, iaitu daripada jenis

kiasan berpindah, iaitu melibatkan butir leksikal tanpa mengambil kira kata bandingan, umpama, ibarat, laksana, seperti, dan sebagainya sepertimana pembahagian oleh Za'ba (1973). Tahap kedua ialah proses penganalisan data, iaitu penghuraian konsep lambang flora yang telah dikenal pasti. Tahap ketiga ialah pengiraan kekerapan bagi jenis lambang flora dan makna yang terdapat dalam pantun nasihat dan pantun budi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa lambang flora dalam penciptaan pantun mendukung makna tersirat yang lazimnya berfungsi sebagai nasihat dan teguran kepada masyarakat. Lambang flora padi mencatatkan jumlah kekerapan tertinggi berbanding dengan jenis lambang flora yang lain, iaitu sebanyak 52 entri atau bersamaan dengan 17.10% secara keseluruhan. Pemilihan dan penggunaan simbol dalam pantun amat berkait rapat dengan pemikiran masyarakat Melayu yang sentiasa menggunakan unsur alam sebagai perlambangan dalam memperkatakan sesuatu. Kebiasaannya pemilihan simbol yang dilakukan dengan melihat fungsi, sifat dan ciri yang terdapat pada simbol tersebut. Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa korelasi hubungan yang bersifat sejajar antara lambang dengan makna dalam pantun sememangnya tidak dapat dipisahkan. Hal ini demikian kerana setiap lambang atau simbol dalam binaan pantun mempunyai jenis-jenis makna yang berbeza. Dapatan menunjukkan makna konotatif mencatatkan jumlah kekerapan yang tertinggi berbanding dengan jenis makna yang lain, iaitu sebanyak 272 entri atau bersamaan dengan 40.71% secara keseluruhan. Lambang flora bukan sahaja mempunyai pelbagai maksud yang tersendiri, malahan mampu memperlihatkan daya kreativiti masyarakat Melayu dalam mengaplikasikan konsep alam flora dengan perilaku, benda, perkara dan peristiwa yang berlaku di sekitar kehidupan mereka.

A SEMIOTIC ANALYSIS OF THE CONCEPT OF THE FLORA SYMBOLS IN MALAY PANTUNS

ABSTRACT

This research studies the concepts of the flora symbols in the Malay *pantuns* based on semiotic studies. This research try to prove the parallel correlation between the symbol and meaning in the *pantun*. The flora symbols has been extracted from the book *Kurik Kundi Merah Saga (KKMS)*. A total of 266 stanzas from *pantun nasihat* and 219 stanzas from *pantun budi* are used as data to: (i) analyse the concept of flora symbols in *pantun nasihat*, (ii) analyse the concept flora symbols in *pantun budi* and (iii) analyse the differences between the concept in *pantun nasihat* with the concept in *pantun budi* based on the type of flora symbols and the type of meanings used. This study utilises a number of theories, methods and approaches as an eclectic framework in order to discuss the findings and to achieve the stated objectives. A theoretical framework by Michael Riffaterre (1978) is used to analyses floral elements that functioning as symbols in stanza. This study also used Leech's (1974) framework based on Leech's syntagmatic research, which is focus on contextual functions or meanings. This study uses three research methods: content analysis, textual comparison analysis and quantitative approach. The first stage of the research is to identify the existence of flora symbols in *pantun nasihat* and *pantun budi*. The type of metaphor used in this study is based on the categorization by Za' ba, which involves lexical items without regard to comparisons, such as, like, executions, etc. The second stage is the process of data analysis, which is a description of the concept of the flora symbols in pantuns. The third stage is the calculation of the frequency of the types of

flora symbols and their meanings in the *pantun nasihat* and *pantun budi*. The findings obtained indicated that, the floral symbols in pantun has its own meaning that are used to express feeling and advice to society. The symbol of padi have recorded the highest number of frequencies compared to others floral symbol, which is 52 entries or equivalent to 17.10% overall. Every words chosen in pantun phrases has its own aesthetical and lexical functions, which are very much related to the way thinking among the Malay people, who always refer to surrounding world as a symbolic way to express their own feeling. Usually the symbol is used in *pantun* are specified based on function, nature and feature of the symbol chosen. The findings also show that connotative meanings have recorded the highest number of frequencies compared to other types of meanings, which is 272 entries or equivalent to 40.71% overall. The symbol of flora does not carry its own lexical meaning, but also reveal the creativity of Malay people in applying the concept nature of floral with people's behaviours or attitude, things, matters and events revolved around their life.


BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG KAJIAN

Semiotik merupakan salah satu cabang disiplin ilmu linguistik yang menumpukan pengkajian terhadap tanda dan lambang yang bersifat saintifik, dikenali dengan istilah '*science of sign*'. Tanda dan lambang di sini mewakili sesuatu yang lain yang berupa pengalaman fikiran, perasaan, gagasan dan sebagainya. Oleh itu, tanda bukan bersifat bahasa semata-mata, bahkan merangkumi pelbagai hal yang meliputi kehidupan. Konsep tanda dan lambang ini dapat difahami dengan lebih jelas melalui gagasan yang dibawa oleh tiga tokoh yang mempunyai latar belakang pemikiran yang berbeza, iaitu Ferdinand de Saussure (1959), Charles Sanders Peirce (1965) dan Michael Riffaterre (1978).


Menurut de Saussure (1959: 67) mendefinisikan tanda sebagai mempunyai dua unsur yang tidak terpisah, iaitu antara konsep '*signifier*' dan '*signified*' atau dikenali juga dengan penggunaan istilah 'penanda' dan 'petanda'. Pertama adalah penanda (*signifier*) iaitu yang merupakan fenomena yang membolehkan manusia melihat material tersebut. '*Signifier*' (penanda) boleh berupa bunyi-bunyi ujaran atau huruf-huruf tulisan, sedangkan '*signified*' (petanda) pula ialah unsur konseptual, gagasan atau makna yang terkandung dalam penanda tersebut. Hubungan antara 'penanda' dan 'petanda' ini dapat direpresentasikan melalui rajah yang berikut:



Rajah 1.0: Model Diadik de Saussure

Berdasarkan rajah tersebut, aspek konseptual tanda disebut sebagai petanda (*signified*) dan aspek manifestasi fizikal merujuk kepada penanda (*signifier*). Hubungan di antara konsep dan imej bunyi inilah yang melahirkan lambang-lambang linguistik yang lazimnya bersifat abstrak.

Kajian tentang konsep tanda dan lambang ini, kemudiannya diteruskan oleh Peirce (1965: 5) dari sudut yang lebih luas. Peirce menyatakan bahawa kewujudan tanda bukan hanya tertumpu kepada lambang-lambang linguistik sahaja, bahkan melibatkan tanda-tanda lain seperti gambar dan angka. Bagi menjelaskan skop teori yang dibawa olehnya, Peirce telah mengemukakan satu model yang dikenali dengan segi tiga semiotik, seperti dalam rajah yang berikut:



Rajah 1.1: Model Segi Tiga Semiotik

Berdasarkan rajah tersebut, Peirce mengatakan bahawa sesuatu itu dikenali sebagai tanda sekiranya mewakili sesuatu yang lain. Sebuah tanda yang disebut sebagai *representamen* haruslah mewakili sesuatu yang disebutnya sebagai *object* (acuan) atau dikenali juga dengan istilah *referent*. Hubungan antara tanda dan acuannya dapat dibezakan kepada tiga jenis hubungan, iaitu lambang, ikon dan indeks. Konsep tanda dan lambang menurut Peirce bukan hanya melibatkan lambang-lambang linguistik semata-mata, sebaliknya turut boleh dilihat melalui komunikasi sosial dalam masyarakat.

Seterusnya, kajian tentang konsep tanda dan lambang ini, kemudiannya ditumpukan terhadap karya sastera. Riffaterre (1978: 2) menyatakan bahawa kajian semiotik bersesuaian untuk sebarang kajian bahasa, khususnya sastera. Tegasnya, kajian bahasa dari sudut semiotik amat luas dan menyentuh semua persoalan hidup kerana di dalamnya begitu kaya dengan lambang-lambang yang perlu ditafsir

maknanya. Oleh itu, Riffaterre melalui bukunya '*Semiotic of Poetry*' telah mengemukakan satu pendekatan disiplin semiotik yang dapat membantu pembaca merungkaikan masalah berhubung dengan makna sesebuah karya puisi tradisional. Menurut Riffaterre, kandungan sesebuah puisi dapat dijelaskan dengan melihat kemampuan bahasanya kerana puisi selalunya dinyatakan secara tersirat. Tanda dan lambang lazimnya digunakan sebagai kias ibarat dalam sesuatu karya puisi bagi menyampaikan sesuatu mesej secara halus dan berkesan.

Puisi adalah satu cabang kesenian manusia yang merujuk susunan atau aturan ayat yang menyampaikan maksud dalam bentuk yang indah. Puisi Melayu berkembang selari dengan arus perkembangan tamadun bangsa Melayu. Puisi Melayu terbahagi kepada dua, iaitu puisi Melayu tradisional dan puisi Melayu moden. Puisi Melayu tradisional merujuk kepada pantun, syair, teromba, talibun, gurindam, seloka dan sebagainya, manakala puisi Melayu moden ialah sajak. Budaya Melayu banyak memasukkan unsur-unsur alam dalam gubahan seni dan anyaman kehidupan. Unsur-unsur alam atau citra alam digunakan sebagai kias dan ibarat yang boleh diteladani oleh manusia. Dari renungan terhadap alam, orang Melayu menemui makna kewujudan dan makna kehidupan dalam penciptaan puisi, khususnya pantun.

Pada ketika dahulu, pantun yang terdiri daripada empat baris dalam tiap-tiap rangkap dengan dua baris pertama merupakan pembayang maksud dan dua baris berikutnya mengandungi maksud menjadi bahasa yang digunakan sebagai alat komunikasi yang bertujuan menjaga air muka pendengar atau orang yang dilawan bercakap. Melalui pantun, orang Melayu berkias mengenai sesuatu secara halus dan teliti agar setiap teguran yang ingin disampaikan akan diterima dengan baik oleh masyarakat.

Za'ba (1965: 219) mendefinisikan pantun sebagai alat komunikasi sosial dalam masyarakat Melayu tradisional. Beliau cuba memerikan hubungan pantun dengan masyarakat Melayu melalui kenyataan berikut:

“Pantun itulah kaedah rangkapan yang tertua dan memang asalnya kepunyaan Melayu betul. Dari semenjak tatkala orang Melayu belum tahu surat menyurat dahulu pun mereka telah pandai berpantun dan biasa berbalas-balas pantun antara sesama sendiri. Bahkan hingga sekarang ini pun pantun itulah kaedah karangan berangkap yang jati terpakai pada orang-orang Melayu kampung bagi menggambarkan fikiran-fikiran hiba sayu dan warna-warna perasaan yang indah-indah, seperti hal ehwal berkasih sayang dan pujuk rayu yang lemah lembut antara kekasih dengan kekasihnya.”

Faktor keistimewaan pantun inilah yang telah berjaya menarik perhatian tokoh-tokoh Barat yang nampaknya begitu berminat membuat kajian tentang sejarah kemunculannya. Antaranya termasuklah Hamilton, Winstedt, Overbeck dan Mubin Sheppard.

Seterusnya, Francois-Rene Dailie (1990: 3) pula menyatakan bahawa pantun Melayu merupakan inti sari kehidupan dan alam yang diibaratkan sebagai sebutir pasir. Dalam pantun tersirat segala elemen kehidupan manusia Melayu termasuklah tentang tanah, rumah, kebun, sawah padi, sungai, laut, tumbuhan, buah-buahan, binatang, burung, ikan dan pelbagai perkara kecil yang digunakan dalam kehidupan seharian. Pantun juga digunakan untuk menyatakan adat resam, kebijaksanaan, pelbagai bentuk kepercayaan dan perasaan.

Dengan ini tidak dapat dinafikan bahawa pantun merupakan pengungkapan kosmologi Melayu yang diterapkan dengan inspirasi keindahan. Hal ini demikian kerana budaya Melayu banyak memasukkan unsur alam dalam gubahan seni dan

anyaman kehidupan (Nurul Aminah dan Hasnah, 2014: 2). Pemikiran orang Melayu ditentukan melalui interaksi ideanya dengan alam. Unsur-unsur alam dalam pantun adalah satu-satunya cara yang paling indah, impresif dan paling berkesan untuk mendendangkan atau meluahkan sesuatu yang terbuku di hati, maka keunikan pantun-pantun lama yang banyak memasukkan unsur-unsur alam ini tidak sepatutnya dipandang enteng oleh masyarakat, sebaliknya perlulah dimartabatkan serta dikekalkan seni pengucapan tradisional ini supaya ‘tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas’.

Oleh hal yang demikian, kesesuaian dalam menggunakan perlambangan yang tepat dalam pantun yang dihasilkan amat penting bagi menghasilkan sebuah karya yang mampu memberi kesan terhadap emosi pembaca. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji lambang flora yang terdapat dalam pantun yang bertemakan nasihat dan budi yang dipetik dari buku *Kurik Kundi Merah Saga* (seterusnya KKMS).

1.1 Permasalahan Kajian

Analisis terhadap bidang semiotik dalam pantun Melayu dilakukan kerana terdapat kesukaran memahami sesuatu lambang atau unsur yang terdapat di dalam satu-satu rangkap pantun tersebut. Makna dan maksud sebenar sesebuah pantun dapat difahami dan dihayati dengan jelas apabila unsur simbolik yang melatarinya difahami. Sebagai contoh:

Orang mengail *ikan sepat*,

Dapat seekor ikan cencaru;
Sudahkah habis tenung makrifat,
Maka tuan bercakap begitu.

(KKMS, 495:8)

Simbol atau lambang yang ditandai dalam pantun tersebut ialah lambang fauna, iaitu 'ikan sepat'. Lambang fauna 'ikan sepat' dalam penggunaan pantun tersebut mendukung makna simbolik yang tertentu dalam masyarakat Melayu dahulu. Dalam konteks masyarakat Melayu, ikan sepat menjadi simbol untuk menyindir seseorang. Ikan sepat merupakan simbol yang merujuk kepada orang yang bodoh dan malas (Muhammad Haji Salleh, 2006: 17). Hal ini bertepatan dengan peribahasa Melayu yang berbunyi, 'seperti sepat ketohoran' yang membawa maksud kebodohan dan kemalasan.

Pembaca pantun mungkin telah terbiasa dengan kod 'ikan sepat' kerana ini menjadi indeks dalam kehidupan harian mereka. Pembaca pantun mungkin boleh menanggapi kod 'ikan sepat' yang melatari pantun tersebut pada tahap pertama, iaitu secara literal. Namun begitu, khalayak pembaca akan mengalami kesukaran untuk menafsir makna secara keseluruhan kerana ia melibatkan pembongkaran kod-kod kata secara terperinci dan tepat. Oleh itu, bagi memahami makna pantun secara keseluruhan dan lebih mendalam, pembaca perlu membongkarkan kod-kod kata yang digunakan dalam pantun tersebut dengan berhemat dan tepat. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa kajian disiplin semiotik terhadap pantun Melayu sangat tepat dan relevan untuk dikaji kerana kajian seumpama ini menyediakan satu teknik atau cara bagaimana untuk memahami pantun secara lebih jelas dan tepat.

Pantun juga merupakan pengungkapan kosmologi masyarakat Melayu dahulu yang sememangnya kaya dengan seni dan kreativitinya. Maka, tidak hairanlah jika Wilkinson dan Windstedt (1957: 4), menegaskan bahawa keluasan pemikiran orang

Melayu itu diukur dan dinilai melalui karya pantunnya. Mereka berpendapat bahawa satu daripada perkara yang penting yang boleh membawa seseorang itu berjaya memahami dan menyelami pengetahuan, perasaan dan aliran pemikiran orang Melayu sendiri ialah pantun, malahan seseorang itu tidak akan dapat menduga aliran fikiran orang Melayu kalau tidak memahami pantunnya. Pantun Melayu tradisional sememangnya kaya dengan khazanah keindahan dan kehalusan bahasanya sehingga boleh menimbulkan interpretasi yang berbeza dalam kalangan pembaca. Namun demikian, sesuatu pantun itu masih mampu diandaikan maknanya melalui penelitian terhadap konteks dan intertekstualnya bagi memahami makna sebenarnya.

Selain itu, sikap masyarakat di Malaysia yang kurang memberi sambutan terhadap pantun Melayu, terutamanya dari golongan remaja kini telah mendorong pengkaji untuk meneruskan kajian tentang pantun. Hal ini dapat dilihat di dada-dada akhbar yang banyak memaparkan keadaan atau senario semasa tentang puisi-puisi Melayu yang semakin dilupakan. Sebagai contoh, akhbar Berita Harian (2016: 23), memuatkan satu artikel yang berjudul “Pantun Semakin Dilupakan”.

Di samping itu, kehebatan dan kehalusan bahasa pantun yang puitis menggambarkan bahawa masyarakat Melayu mempunyai sistem kognitif yang hebat dan kreatif. Sebagai contoh, pantun tradisional yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu dahulu kaya dengan jalinan kata-kata yang penuh hikmah.

Pucuk pauh delima batu,

Anak sembilang di tapak tangan,
Sungguh jauh di negeri satu,
Hilang di mata di hati jangan.

(KKMS, 524: 3)

Pantun tersebut menunjukkan kehebatan orang Melayu yang suka berfalsafah dan peka terhadap alam dan persekitarannya. Pantun menzahirkan kekreatifan dan akal budi orang Melayu dahulu yang amat bijak menyusun kata yang berupa nasihat dan teguran. Unsur alam dijadikan bahan untuk pemikiran dan renungan ke dalam diri. Masyarakat Melayu terkenal dengan pelbagai sistem lambang yang dilihat sebagai medium untuk menyampaikan teguran dan fikiran dengan cara yang lembut dan halus. Mereka menggunakan unsur alam yang dekat dengan kehidupan mereka, seperti unsur flora dan fauna (Nurul Aminah dan Hasnah, 2014: 4). Tempat kediaman dan alat kelengkapan bersumberkan flora. Sumber makanan utama juga bergantung kepada flora dan fauna. Hal ini, menyebabkan pemikiran orang Melayu mempunyai hubungan yang cukup erat dengan alam.

Pantun juga merupakan lambang kehalusan dan adab sopan masyarakat dahulu ketika berbicara. Kiasan dan ibarat dalam mengungkapkan sesuatu hasrat yang terbuak di hati ialah suatu gambaran ketinggian budi dan tutur bicara masyarakat dahulu. Menurut Abdul Rahman Abdullah (1981: 7), budaya Melayu pada dasarnya ialah budaya yang amat menuntut kepada kehalusan dan adab dalam semua tatacara kehidupannya. Kehalusan dan adab inilah yang membentuk etos kemelayuan yang sering menjadikan bangsa Melayu sebagai yang berpekerti mulia, prihatin dan mementingkan keharmonian. Etos ini diterapkan dalam semua aktiviti budaya bangsa Melayu, termasuklah bahasa dan seninya hingga membentuk semacam satu model tingkah laku unggul untuk generasi akan datang. Orang Melayu terasuh dalam satu

budaya yang begitu mementingkan kesantunan dan ketertiban dalam perhubungannya dengan manusia lain. Hal ini, menjadikan manusia Melayu itu bangsa yang sentiasa memelihara perasaan orang lain, menjaga ketelanjuran dan mengawasi kebiadaban. Kecenderungan ini membentuk sikap yang sentiasa tidak mahu berterus terang, sentiasa melapik kata, berkias makna yang akhirnya membentuk satu khazanah bahasa kias ibarat dan perumpamaan yang dijadikan sandaran untuk bangsa Melayu mengajar, menyindir atau menegur seseorang. Dari sinilah terbentuknya ungkapan “ular dipukul biar mati, kayu pemukul jangan patah” yang bertujuan untuk menyampaikan makna bahawa sasaran biar mengena, kaedah biar sempurna supaya yang ditujukan jangan sampai tercela.

Sehubungan dengan itu, kajian ini meneliti kehadiran lambang flora dalam pantun Melayu dengan berlandaskan kepada bidang semiotik. Kajian ini cuba melihat korelasi hubungan yang bersifat sejajar antara lambang dengan makna dalam pantun. Kajian ini juga sekurang-kurangnya dapat menambah bilangan kajian dan membantu khalayak pembaca memahami makna sesebuah karya pantun dengan lebih jelas dan tepat. Hal ini demikian kerana lambang-lambang yang digunakan dalam pantun-pantun lama dapat difahami dengan mudah apabila makna simbolik di sebalik lambang yang digunakan oleh penulis berkenaan dapat difahami oleh pembaca.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i) Menganalisis konsep lambang flora dalam pantun nasihat.
- ii) Menganalisis konsep lambang flora dalam pantun budi.
- iii) Membandingkan konsep dalam pantun nasihat dengan konsep dalam pantun budi berdasarkan jenis lambang flora dan makna.

1.3 Persoalan Kajian

Antara persoalan kajian adalah seperti yang berikut:

- i) Apakah konsep-konsep lambang flora yang terdapat dalam pantun yang bertemakan nasihat?
- ii) Apakah konsep-konsep lambang flora yang terdapat dalam pantun yang bertemakan budi?
- iii) Apakah persamaan dan perbezaan antara konsep-konsep dalam pantun nasihat dengan konsep-konsep dalam pantun budi berdasarkan jenis lambang flora dan makna?

1.4 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini menumpukan penelitian terhadap lambang flora dalam pantun Melayu. Kewujudan lambang-lambang flora ini dikenal pasti dan diteliti daripada koleksi pantun Melayu yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (2015) dalam buku KKMS. Buku ini memuatkan lebih 5000 rangkap pantun yang dibahagikan kepada 11 jenis tema. Namun begitu, hanya dua jenis tema dipilih untuk diaplikasikan dalam kajian ini, iaitu daripada tema pantun nasihat (PN) dan pantun budi (PB). Sebanyak

266 rangkap pantun nasihat dan 219 rangkap pantun budi telah diteliti bagi melihat kewujudan lambang flora sebagai tanda yang berfungsi memaknai pantun yang dihasilkan.

Berdasarkan kerangka semiotik Riffaterre (1978), tumpuan diberikan kepada aspek lambang, iaitu melihat unsur flora yang berfungsi sebagai lambang yang ditandai dalam bahagian pembayang pantun. Selain itu, kajian ini turut menggunakan kerangka Leech (1974) adalah berdasarkan kepada penelitian Leech yang dijalankan secara sintagmatik, iaitu melihat pada fungsi dan sistem secara kontekstual.

Secara dasarnya, kajian ini akan meneliti hubungan antara lambang dan makna dalam pantun Melayu lama. Lambang yang ditandai dalam pantun, lazimnya mempunyai makna atau maksud tersirat yang perlu dirungkai sebaik mungkin agar makna sebenar yang ingin disampaikan dapat difahami oleh pembaca. Selain itu, input budaya masyarakat Melayu turut dibincangkan dalam kajian ini bagi melihat pengaruh budaya masyarakat Melayu dahulu terhadap penciptaan pantun.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat membuktikan bahawa penelitian dan pengkajian terhadap pantun Melayu tradisional dengan menggunakan pendekatan semiotik dapat membantu khalayak puisi memahami dan mengenal kekuatan dan keistimewaan pantun-pantun Melayu. Hal ini demikian kerana tidak semua lapisan masyarakat faham akan maksud sebenar pantun yang ingin disampaikan oleh penulis kerana kebanyakan pantun mengandungi lambang yang mempunyai maksud tertentu. Bagi memahami makna tersirat sesuatu lambang itu, khalayak pembaca memerlukan pengetahuan yang bukan

sahaja kod bahasa, sebaliknya pengetahuan tentang kod budaya dan sastera turut diperlukan. Maka, kajian ini dianggap mempunyai kepentingan kepada pembaca termasuk pelajar, guru-guru, masyarakat dan para pengarang atau sasterawan.

Di samping itu, menerusi kajian ini masyarakat dapat menambahkan penguasaan mereka terhadap pengungkapan yang mengandungi makna kiasan. Apabila masyarakat memahami makna-makna kiasan yang ditandai melalui lambang-lambang dalam pantun Melayu lama ini, maka hal ini secara tidak langsung akan menyuburkan kembali minat masyarakat kini terhadap pantun lama, sekali gus dapat mempopularkan semula tradisi lisan nenek moyang kita dahulu.

Selain itu, kajian ini akan menyambut atau meneruskan pengiktirafan terhadap pantun-pantun tradisional yang telah diakui dunia mempunyai nilai estetika yang tinggi dan kandungan maksud yang bijaksana serta menggambarkan kreatifnya manusia Melayu itu. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Wan Abdul Kadir Wan Yusuf (1992: 91) yang menyatakan bahawa pantun lahir dan berkembang dalam masyarakat Melayu yang buta huruf dan sebagai warisan tradisi lisan, penciptaan pantun dilakukan dengan rapi sehingga dapat menghasilkan susunan kata-kata yang indah dan menarik. Oleh itu, kajian ini secara tidak langsung akan memartabatkan kembali warisan orang Melayu dahulu agar sentiasa kekal dan subur dalam jiwa masyarakat hari ini.

Selanjutnya, melalui kajian ini pengkaji berharap agar pada masa akan datang bilangan para pengkaji yang ingin melakukan kajian tentang analisis semiotik yang melibatkan alam puisi Melayu lama semakin bertambah. Kajian ini juga sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji baru dalam mengaplikasikan pendekatan semiotik dalam pantun Melayu tradisional. Oleh hal yang demikian, kajian ini mampu

mewujudkan lebih banyak rujukan mengenai kajian tentang perlambangan dalam pantun Melayu melalui pendekatan semiotik.

1.6 Definisi Operasi Kajian

Kajian ini mencakupi beberapa jenis konsep yang digunakan bertujuan untuk memperlihatkan keseluruhan gambaran tentang kajian ini dengan jelas. Operasi kajian ini dapat membantu pembaca untuk memahami konsep dengan mudah dan berkesan. Antara definisi operasi kajian yang diketengahkan adalah seperti berikut:

1.6.1 Semiotik

Semiotik secara dasarnya didefinisikan sebagai kajian tentang sistem perlambangan. Riffaterre (1978: 2), menyatakan bahawa semiotik termasuk segala sesuatu yang boleh dianggap sebagai lambang atau simbol dalam bahasa. Semiotik melibatkan kajian yang bukan sahaja daripada apa yang dirujuk sebagai 'lambang' dalam ucapan sehari-hari, tetapi turut melibatkan perkara yang 'bermaksud' sesuatu yang lain. Lambang yang dimaksudkan termasuklah perkataan, imej, bunyi, gerak isyarat dan objek.

1.6.2 Simbol

Simbol dalam pengertian umum adalah perlambangan yang lazimnya bersifat *representational* atau wakilan terhadap sesuatu termasuk pemikiran, fakta-fakta dan gerakan-gerakan yang lazimnya bersifat sejarah atau mentradisi sesebuah masyarakat. Peirce (1965: 166) mendefinisikan simbol sebagai:

“A sign which refers to the object that it denotes by virtue of a law, usually an association of general idea, which operates to cause the symbol to be referring to the object and is a third.”

Simbol merujuk kepada objek asal dengan sesuatu kawalan peraturan atau undang-undang khusus dan dikatakan bersifat arbitrari. Menurut Peirce (1960: 168) lagi sesuatu simbol menjadi lambang yang merujuk kepada objek yang apabila melihat kepada lambang tersebut. Secara mudah manusia akan memahami bahawa simbol mewakili sesuatu objek. Simbol telah diterima pakai oleh pemikiran manusia sama ada secara kelompok tertentu mahupun dalam satu masyarakat yang universal. Oleh sebab itu, simbol memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat Melayu. Proses penciptaan pantun banyak dipengaruhi oleh kemampuan pemikiran dan pengalaman hidup masyarakat Melayu yang sentiasa berinteraksi dengan alam sekitar. Pantun mempunyai kaitan langsung dan sangat rapat dengan alam semesta, yang mengambil tamsil ibarat serta inspirasi keindahan darinya.

1.6.3 Lambang

Menurut Peirce (1965), lambang ialah tanda yang merujuk kepada gagasan idea yang dijalinan serta terikat kepada peraturan tertentu. Jadi, lambang merupakan salah satu jenis tanda yang bersifat arbitari dan konvensional. Istilah lambang harus digunakan secara berhati-hati kerana, istilah lambang mempunyai pengertian yang beraneka ragam yang mempunyai makna yang berbeza (Budalaman, 1999: 109). Selain itu, lambang juga adalah salah satu jenis tanda yang saling berkaitan dan melengkapi antara satu dengan lain.

1.6.4 Flora

Flora ialah istilah biologi yang bermaksud keseluruhan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di sesuatu daerah atau pada sesuatu masa. Menurut Muhammad Haji Salleh (1992: 16) masyarakat Melayu yang menjalani kehidupan di dalam alam boleh juga dikatakan sebagai ‘manusia ialah alam’. Masyarakat Melayu hidup di dalam ‘ruang alam’, iaitu tinggal di tepi sungai, di tepi pantai, tepi bukit, lembah, tepi hutan, pinggir paya dan sebagainya yang mencari rezeki di sekitar kawasan hutan, sungai, laut, paya dan bukit. Untuk mencari rezeki, mereka perlu mengenali ruang alam di sekeliling kawasan dengan mendalam. Pengetahuan yang mendalam terhadap alam tumbuhan mewujudkan keakraban antara manusia dengan alam, seterusnya dapat mempelajari sifat-sifat alam tumbuhan.

1.6.5 Kuplet

Menurut Harun Mat Piah (1989: 3), kuplet ialah dua rangkap yang mengandungi dua baris lengkap dan mempunyai pernyataan yang tersendiri. Setiap stanza atau rangkap pantun mempunyai unit atau kuplet, iaitu unit atau kuplet pembayang atau sampiran (separuh jumlah baris pertama) dan unit maksud (separuh jumlah baris bahagian kedua). Rima atau bunyi akhir di hujung baris bagi setiap kuplet adalah sejajar, iaitu rima akhir berbentuk ‘a, b, a, b’. Berikut merupakan contoh rima dalam pantun:

Pulau Pandan jauh ke tengah, (a)
Gunung Daik bercabang tiga, (b)
Hancur badan dikandung tanah, (a)
Budi yang baik dikenang juga. (b)

(KKMS, 524: 3)

Setiap kuplet lazimnya mengandungi antara lapan hingga 12 suku kata, biasanya terdiri daripada empat atau lima patah perkataan, kerana perkataan-perkataan Melayu biasanya berukuran dwisuku kata. Namun begitu, pantun yang baik sering mempunyai

lapan, sembilan atau sepuluh suku kata sahaja (Muhammad Haji Salleh, 2008: 53).

Kuplet juga merupakan struktur dasar dalam binaan pantun, iaitu setiap baris mengandungi sebuah sketsa, yang akhirnya bercantum untuk membina suatu unit makna yang penuh.

1.6.6 Kod

Kod biasanya merujuk kepada bahasa, gaya bahasa dan variasi bahasa. Menurut Bokamba (1988: 21-62), kod bermaksud penggunaan berbagai-bagai unit linguistik seperti imbuhan, kata, frasa dan klausa dalam satu ayat. Oleh itu, kod dalam kajian ini merujuk kata atau frasa yang ditandai sebagai simbol bagi mendapatkan makna sebenar atau tema pantun. Kod-kod yang terdapat dalam rangkap pantun mempunyai hubungan yang bersifat sejajar, iaitu saling melengkapi antara satu sama lain. Setiap kod dalam binaan pantun mempunyai fungsi yang tersendiri, iaitu sebagai pelengkap bagi unit-unit binaan pantun yang lain.

1.7 Kesimpulan

Semiotik merupakan subbidang dalam ilmu semantik yang meneliti tentang sistem perlambangan. Pelbagai kaedah yang digunakan dalam kajian semiotik, baik kaedah

lapangan mahupun kepustakaan. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan, melibatkan pengumpulan pantun daripada teks terpilih sebagai data kajian. Kajian ini dibataskan hanya kepada lambang flora dengan meneliti unsur-unsur flora yang terdapat dalam pantun. Kajian sebegini adalah penting bagi menjawab persoalan-persoalan kajian dan mencapai objektif kajian dengan berlandaskan kepada bidang semiotik. Bab seterusnya akan membincangkan kerangka teoretis yang digunakan dalam kajian ini.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR DAN KERANGKA TEORETIS

2.0 PENGENALAN

Bab ini akan memfokuskan perbincangan mengenai sejarah kelahiran semiotik dengan melihat tahap-tahap perkembangan kemunculan semiotik zaman klasik hinggalah kepada era semiotik moden. Dalam bab ini juga, kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan penyelidikan ini dibincangkan dengan lebih terperinci. Seterusnya, bab ini turut membincangkan kerangka teoretis yang digunakan dalam kajian ini, iaitu teori semiotik yang diperkenalkan oleh Riffaterre (1978) dan Pendekatan Makna yang dikemukakan oleh Leech (1974).

2.1 Sejarah Kemunculan Semiotik

Disiplin kajian semiotik merentasi dua zaman, iaitu bermula dengan kemunculan zaman semiotik klasik dan diikuti dengan zaman semiotik moden.

2.1.1 Zaman Semiotik Klasik

Semiotik sebagai satu kajian saintifik yang mengkaji sistem tanda telah wujud sejak zaman Greek lagi. Kewujudannya bermula sejak zaman Plato dan Aristotle, iaitu apabila kedua-dua tokoh ini memperkenalkan teori bahasa dan maknanya. Plato (427-347 SM) (dlm Peter Zime, 1981: 39) merupakan perintis kepada kajian asal-usul bahasa seperti yang terdapat dalam bukunya yang berjudul *Cratylus*. Bagi meneruskan kesinambungan tradisi kajian bahasa, kemudiaanya kajian ini diterokai pula oleh Aristotle (384-322 SM) (dlm Peter Zime, 1981: 39).

Seterusnya, kajian semiotik ini telah diteruskan oleh Zeno (384-262 SM) (dml Peter Zime, 1981: 40) yang merupakan tokoh aliran Stoa yang berasal dari Kition

Pulay Cyprus. Melalui pengamatan beliau, semiotik telah mula tumbuh sejak tahun 330-264 SM lagi. Beliau memulakan penelitiannya terhadap tanda-tanda ‘tangis’ dan ‘tertawa’. Melalui kajian ini, beliau merumuskan bahawa terdapat perbezaan daripada aspek penanda dan petandanya dalam memahami tanda.

Berdasarkan pengamatan tersebut, ‘tangis’ seseorang dalam gerak ekspresi lahiriah merupakan penanda kerana dapat diamati melalui gerak, penampilan, suara atau nada tangisannya, manakala makna di sebalik tangisan tersebut merupakan petandanya. Mengapa dan apakah sebab yang mendorong seseorang menangis dapat ditelusuri maknanya melalui kefahaman yang dapat ditafsirkan daripada tangisan tersebut. Melalui gagasan semiotik, ‘tangisan’ seseorang boleh mengandungi dwimakna, iaitu berkemungkinan wujud daripada perasaan sedih dan juga kerana kegembiraan yang amat sangat. Dorongan emosi yang tidak dikawal atau tidak tertahan yang menyebabkan seseorang itu menangis.

Bermula daripada kajian Zeno itulah penerokaan semiotik dikatakan berkembang dalam zaman pertengahan yang telah didukung oleh seorang uskup Roma yang hidup sekitar abad ke-5 Masihi, iaitu Saint Augustine (354-430 SM) (dlm Peter Zime, 1981: 40). Beliau telah menulis beberapa buah buku yang penting seperti *On Dialectic* (387 SM), *On Christian Doctrine* (397 SM) dan *On Trinity* (415 SM). Walaupun pada dasarnya, hasil tulisan ini bermotifkan pengembangan dan penyebaran ajaran Kristian, tetapi terdapat bahagian-bahagian yang menyentuh elemen tanda. Beliau kemudiannya telah kembali kepada fitrah dan telah mula mengkaji al-Quran dengan meneliti konsep lambang dan tanda yang terdapat di dalamnya. Beliau seterusnya bertindak meletakkan dasar-dasar pendidikan melalui tanda. Menurutny

lagi, pendidikan dan pengajaran tidak akan sempurna tanpa menggunakan sistem tanda.

2.1.2 Zaman Semiotik Modern

Pada dasarnya, penerokaan bidang semiotik ini terdapat hasil dari inisiatif Ferdinand de Saussure (1857-1913) dari Eropa yang memperkenalkan istilah semiologi dan Charles Sanders Peirce dari Amerika yang cenderung menggunakan istilah semiotik. Saussure lebih dikenal sebagai bapak ilmu bahasa modern khususnya dalam bidang linguistik, sementara Peirce pula merupakan seorang ahli falsafah dan ahli logik.

Kedua-dua tokoh yang berasal dari dua benua yang berjauhan itu, yakni Eropa dan Amerika saling tidak mengenali antara satu sama lain, namun sama-sama mengemukakan teori secara prinsipnya tidak berbeza.

Jika semiotik model de Saussure bersifat struktural, model semiotik Peirce pula bersifat analitis. Wujudnya ketidaksamaan kedua-dua ilmuwan ini tampaknya lebih disebabkan oleh kenyataan bahawa mereka berasal dari dua disiplin ilmu yang berbeza dan mempunyai latar belakang yang berlainan. Peirce memusatkan perhatian berfungsinya tanda pada umumnya menempatkan tanda-tanda linguistik pada tempat yang penting, namun bukan yang utama. Saussure pada pihak yang lain pula mengembangkan dasar-dasar linguistik umum. Kekhususan teorinya terletak pada kenyataan bahawa beliau menganggap bahasa sebagai sebuah sistem tanda.

Dalam perkembangan semiotik yang kemudian, terlihat adanya mazhab de Saussure yang berkembang di Eropa dengan kelahiran tokoh-tokoh seperti Roland Barthes, Gannette, Todorov, Julia Kristeva, Claude Levi Strauss, Jean Baudrillard dan

Luis Prieto, manakala pada pihak semiotik Peirce selanjutnya dikembang oleh ahli-ahli filsafat Amerika seperti I.A. Richard, Thomas Sebeok, John Dewey, William James, Charles Morris, J.L. Austin, C. K. Ogden dan J.R. Searle.

2.2 Sorotan Literatur

Sorotan literatur sangat penting bagi pengkaji sebelum melakukan kajian. Sorotan literatur bertujuan untuk memberi gambaran awal dan maklumat baru sebelum sesuatu kajian dijalankan. Dalam bahagian ini, sorotan literatur melibatkan kajian semiotik yang menggunakan puisi sebagai data kajian dan kajian semantik leksikal dalam karya sastera Melayu.

Pengkaji-pengkaji lepas yang menyumbang penyelidikan mereka dalam analisis semiotik dan semantik leksikal terhadap karya-karya sastera adalah seperti Eizah Hussain (2016), Noraini dan Tengku Intan Marlina (2016), Tay Chin Huey (2016), Nur Afiqah Wan Mansor dan Nor Hashimah Jalaluddin (2015), Rully Rezki Saputra (2015), Yoga Permana (2015), Ahadi Sulissusiawan (2014), Khusnul Arfan (2013), , Dineesha Liyana (2013), Nurhiza Mohamed (2012), Mohamad Shaidan (2011), Andry Hermawan (2010), Ery Iswary (2010), Noriza Daud (2004), Sakina Sahuri Suffian Sahuri (2000) dan Azmi Ab. Rahman (1992).

Mohamad Azmi Ab. Rahman (1992) dalam kajian bertajuk '*Symbolisme Dalam Pantun Melayu*' meneliti penggunaan simbol dalam pantun Melayu dengan menggunakan konsep simbolisme. Objektif kajian beliau adalah untuk memperlihatkan bahawa simbol sebagai salah satu unsur bahasa dan kod budaya turut memancarkan jalur budaya dan pemikiran masyarakat baik secara individu atau

kelompok masyarakat yang mewakili zamannya. Kajian beliau juga turut menekankan penggunaan simbol dalam pantun mengikut konteks pemakaian dan lingkungan budaya masyarakat yang menghasilkan pantun tersebut. Hasil kajian beliau telah membahagikan analisis simbol kepada lima bab yang masing-masing diwakili simbolisme tumbuhan, simbolisme haiwan, simbolisme dari alam fizikal dan cakerawala, simbolisme manusia dan simbolisme warna.

Dapatan daripada hasil kajian ini menunjukkan bahawa simbol dari pembahagian simbolisme yang dilakukan didapati penggunaannya kerap di bahagian maksud pantun dengan mendukung makna di sebaliknya, manakala penggunaan simbol di bahagian pembayang pula biasanya sebagai hiasan semata-mata yang berfungsi sebagai pelengkap pada baris pantun. Tetapi terdapat juga simbol di bahagian pembayang mempunyai kaitan makna dengan bahagian maksud pantun. Walau bagaimana pun, kajian ini didapati tidak menyentuh aspek keindahan pantun dari sudut penggunaan simbol dalam pantun. Pengkaji lebih cenderung membincangkan aspek sosiobudaya dalam masyarakat berbanding perincian mengenai lambang yang digunakan dalam pantun secara lebih jelas dan menyeluruh.

Tay Chin Huey (2016) dalam tesis sarjananya mengkaji perubahan makna unsur warna yang terkandung dalam simpulan bahasa Cina. Dalam kajian ini, pengkaji hanya menumpukan warna-warna primer seperti putih, emas, kuning, hijau dan merah sahaja. Unsur simbolik disebalik penggunaan sesuatu warna dibincangkan dari sudut budaya dan psikologi. Pengkaji bukan sahaja menghuraikan makna warna-warna yang dikaji tersebut dalam konteks budaya Cina sahaja, sebaliknya merangkumi seluruh budaya yang ada di dunia ini termasuklah budaya Melayu sendiri.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa warna putih merupakan warna yang mempunyai kekerapan penggunaan yang paling tinggi diikuti oleh warna emas, kuning, hijau dan merah. Kebanyakan unsur warna yang terkandung dalam simpulan bahasa Cina mengalami dua jenis perubahan makna iaitu metafora (kiasan) dan perluasan makna. Kajian ini juga turut membuktikan bahawa faktor-faktor seperti adat resam, tradisi, nilai hidup, pembentukan amanah, budaya turut mempengaruhi penghasilan himpunan simpulan bahasa yang mengandungi unsur warna.

Kajian oleh Tay Chin Huey ini penting bagi kajian yang dijalankan ini kerana warna membawa konotasi tertentu dalam konteks budaya sesuatu bangsa. Penggunaan warna-warna tertentu berdasarkan simbol tumbuhan yang digunakan dalam penciptaan pantun mendukung makna simbolik tertentu dan bukan rekaan semata-mata. Sebagai contoh, warna putih bagi simbol bunga melati dan melur membawa konotasi positif dalam masyarakat Melayu, iaitu merujuk kesucian, bersih dan murni. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa unsur warna memainkan peranan penting dalam memaknai sesuatu simbol yang digunakan dalam pantun.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Ahadi Sulissusiawan (2014) yang bertajuk '*Pantun Muhakam Dalam Adat Perkahwinan Melayu Sambas: Analisis Symbolisme*' turut meneliti pantun dari aspek perlambangan atau simbol. Fokus utama dalam kajian beliau ialah mengkaji simbol-simbol dalam pantun perkahwinan yang diucapkan oleh muhakam. Oleh itu, kajian ini menginterpretasi simbol-simbol dengan melihat secara kontekstual makna-makna simbolik atau makna tersirat yang terdapat dalam pantun perkahwinan masyarakat Melayu Sambas. Hasil kajian beliau telah memperkenalkan satu model analisis makna simbolik pantun dengan berpandukan kerja etnografi berdasarkan kerangka yang telah diasaskan oleh James P. Spradley.

Dalam kerja etnografi, makna sesebuah simbol harus berdasarkan konteks dan makna relasi simbol tersebut iaitu fungsinya pada kehidupan sehari-hari masyarakat Melayu Sambas.

Berdasarkan analisis beliau terhadap pantun telah membahagikan empat konsep dalam merumuskan makna simbolik pantun adat perkahwinan Melayu Sambas. Kategori pertama iaitu kategori adab, perangai dan etika orang Melayu Sambas yang berisi tunjuk ajar Melayu contohnya di antara makna simbolik bodoh dan malas, makna simbolik kesabaran dan ketawakalan hidup, makna simbolik kewajipan berperangai baik dan makna simbolik tidak menggunjing. Dapatan kedua pula berupa kategori gender dan jantina yang ditemui contohnya di antaranya makna simbolik lelaki (suami) cergas, makna simbolik dara (gadis), makna simbolik menerima pengantin lelaki dan makna simbolik perempuan pelacur. Seterusnya dalam kategori ketiga pula iaitu falsafah kehidupan yang berisikan makna simbolik berkaitan falsafah kehidupan manusia antaranya pahitnya kehidupan, makna simbolik berkuasa, makna simbolik setiap usaha dan makna simbolik status sosial. Kategori keempat adalah kategori adat dan budaya setempat yang memberikan pesanan dan tunjuk ajar yang berkaitan dengan adat setempat contohnya di antara makna simbolik barang hantaran, makna simbolik pelestarian adat Melayu, makna simbolik kepelbagaian adat, makna simbolik kesetiaan dan keindahan adat. Perlambangan dan simbol yang dianalisis ini hanya tertumpu pada pantun dalam adat perkahwinan sahaja yang mengambil semua perlambangan yang meliputi tumbuhan, haiwan, cakerawala, benda, perbuatan, gunung-ganang dan lain-lain lagi. Kajian ini tidak membincangkan secara mendalam simbol alam flora dalam pantun sebaliknya lebih memfokuskan simbol berkaitan budaya dan adat perkahwinan Melayu.